



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/05/77 (HQ)

TNB UMUM BACAAN METER & WAKTU OPERASI KEDAI TENAGA SEPANJANG PKP

- Bacaan meter dan waktu operasi Kedai Tenaga seperti biasa

Pengumuman Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 12 Mei - 7 Jun 2021 semalam adalah dirujuk.

Dalam usaha berterusan Tenaga Nasional Berhad (TNB) memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada 9.4 juta pelanggannya sepanjang tempoh PKP, operasi TNB dijalankan seperti biasa sepanjang tempoh PKP. Berikutnya adalah senarai maklumat lanjut berkaitan operasi TNB:

1. Pembacaan meter akan berjalan seperti biasa dengan mengikuti prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan pihak berkuasa, bagi memastikan pengguna menerima bil sebenar dan bukan bil anggaran.
2. Bermula 12 Mei hingga 7 Jun 2021, waktu operasi Kedai Tenaga (KT) adalah dari jam 9 pagi hingga 4 petang setiap hari, kecuali hujung minggu dan cuti am. Waktu kiosk layan diri di KT pula adalah dari jam 8:15 pagi hingga 8 malam setiap hari di negeri- negeri di bawah PKP.
3. Bagi KT yang terletak di Pusat Transformasi Bandar (UTC) bagi negeri-negeri di bawah PKP, waktu operasi adalah dari jam 8 pagi hingga 5 petang setiap hari (kecuali cuti am).
4. Waktu operasi perkhidmatan TNB CareLine di talian 1-300-88-5454 adalah dari jam 8:00 pagi hingga 5:00 petang setiap hari. Untuk makluman, talian TNB Careline 1-300-88-5454 dan emel tnbcareline@tnb.com.my adalah untuk pertanyaan berkaitan akaun dan bil. Untuk gangguan bekalan elektrik pula, para pengguna diminta menghubungi TNB CareLine di 15454 dan Facebook TNB CareLine.

S.A. 2021/05/77 (HQ)

Bagi sebarang urusan transaksi termasuk semakan dan pembayaran bil, pengguna dinasihatkan menggunakan kemudahan transaksi dalam talian, antaranya menerusi portal (www.mytnb.com.my) dan aplikasi myTNB agar dapat mengurangkan keperluan untuk transaksi secara bersemuka.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 11 Mei 2021, jam 6:00 petang
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923
 / Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524
 atau emel kami: media@tnb.com.my*

Waktu Operasi Semasa PKP	Hari Operasi Semasa PKP	Semenanjung Malaysia	Solat Jumaat
Kedai Tenaga	Isnin – Jumaat	9:00 pagi – 4:00 petang	NA
TNB Kios Layan Diri (dengan pintu masuk yang berasingan)	Ahad – Khamis (Johor, Kedah, Terengganu, Kelantan)	8:15 pagi – 8:00 petang	
Kedai Tenaga di UTC	Setiap hari kecuali pada cuti umum	8:00 pagi – 5:00 petang	12.15 tengahari – 2.45 petang